

Sukan Staf UMS medan wujud keakraban antara kakitangan

NST 13.4.2017 21

KOTA KINABALU: Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-16 yang berlangsung baru-baru ini mampu menjadi medan dalam mewujudkan jalinan akrab serta memupuk semangat bekerja dalam satu pasukan yang amat penting dalam sesebuah organisasi.

Pendaftar UMS, No'man Ahmad berkata, selain acara tahunan universiti, Sukan Staf UMS juga dilihat sebagai kaedah meningkatkan interaksi antara kakitangan melalui sukan selain menerapkan amalan gaya hidup sihat.

"Universiti sememangnya menitikberatkan pembudayaan sukan yang mampu menyumbang terhadap peningkatan produktiviti kakitangan, di samping membentuk semangat berpasukan dan semangat juang tinggi yang kemudiannya diaplikasikan di jabatan masing-masing dalam tugas seharian.

"Diharapkan ikatan yang terjalin dalam kejohanan sukan ini tidak terhad dalam pertandingan sahaja tetapi kemesraan tersebut perlu diteruskan pada masa-masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Perasmian Sukan Staf UMS Ke-16, yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof di Dewan Taekwondo, UMS.

Dalam pada itu, Shahril dalam ucapannya mencadangkan beberapa sukan baharu disenaraikan pada edisi akan datang, yang akan mengetengahkan kelebihan landskap EcoCampus UMS.

"Triathlon misalnya boleh dipertingkatkan kerana melalui acara ini peserta boleh berenang di laut sebelum tiba di Pantai ODEC, dan kemudiannya berbasikal di sekitar kawasan kampus UMS yang berbukit.

"Ini sekali gus dapat mengetengahkan setiap elemen keindahan yang dimiliki oleh EcoCampus UMS," ujar beliau.



DI GARISAN MULA Shahril melepaskan larian 8 Baton Road Run.



TUNJUK SKIL Sukan futsal antara yang dipertandingkan.


Pada kejohanan tersebut, kontinjen Super 7 cemerlang apabila menduduki tangga teratas dalam pungutan pingat keseluruhan, dengan kutipan empat emas, lima perak dan satu

gangsa. Pingat emas kontinjen tersebut disumbang melalui sukan 8 Baton Road Run, Bola Sepak 7 Sebelah (Veteran), Bola Sepak 9 Sebelah dan Bola Tampar Wanita.



RASMIKAN Shahril (tengah) menyempurnakan simbolik perasmian Kejohanan Sukan Staf UMS.

Lapan pasukan bersaing pada kejohanan dua hari itu, iaitu kontinjen Super 7, The Legend, 1Kal, FPL Warrior, Twin Tower, Science United, D'Arts dan Royal Esteem.



Aksi bola jaring dalam kejohanan Sukan Staf UMS.



PASUKAN The Legend mendapat tempat ketiga Bola Sepak 7 Sebelah (Veteran).